

21 NOV 2002

Samy-MIC/I

PEMILIHAN PRESIDEN MIC FEBRUARI 2003

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- MIC akan mengadakan pemilihan presiden pada Februari tahun depan, tiga bulan sebelum tamatnya penggal Datuk Seri S. Samy Vellu sekarang.

"Kita akan membuka pencalonan bagi jawatan presiden awal Februari dan pada hujung bulan kita akan mengadakan pemilihan, jika ada pencabar," kata presiden MIC itu.

Katanya parti itu akan mengadakan perhimpunan agung pada Mei yang akan menyaksikan pemilihan bagi barisan kepimpinan parti peringkat kebangsaan.

Pemilihan peringkat cawangan dan bahagian akan diadakan dari awal Mac hingga akhir April, katanya kepada pemberita selepas menerima sumbangan bagi Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia parti itu di Bukit Jalil Golf and Country Club di sini malam tadi.

Pada Mei tahun ini, MIC pada perhimpunan agungnya meminda perlembagaan parti untuk membolehkan pemilihan presiden diasingkan daripada pemilihan jawatan tertinggi parti yang lain.

Perlembagaan parti yang dipinda itu turut memerlukan mana-mana anggota yang mahu bertanding jawatan presiden untuk mendapatkan sekurang-kurangnya 50 pencalonan sebelum layak untuk bertanding. Setiap pencalonan perlu mendapatkan seorang pencadang dan lima penyokong dan kesemua mereka haruslah merupakan pengerusi cawangan.

Calon berkenaan juga hendaklah merupakan pengerusi cawangan atau seorang anggota parti selama sekurang-kurangnya 10 tahun.

Pemilihan presiden tahun depan juga akan menyaksikan sesuatu yang baru apabila sejumlah 4,500 pengerusi cawangan (jumlah cawangan dalam MIC) diberikan peluang untuk mengundi memilih pemimpin utama parti itu.

Sebelum ini amalan parti bagi pemilihan presiden ialah jika berlaku pertandingan, pemilihan dibuat oleh 1,300 anggota perwakilan bahagian.

Mengenai perkara lain, Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya, berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat kabinet semalam telah meminta Kementerian Dalam Negeri untuk memberikan laporan terperinci mengenai kematian seorang pemandu lori semasa dalam tahanan di ibu pejabat polis daerah Klang.

R. Sunder Raja, 34, meninggal dunia pada Selasa selepas koma sejak Jumaat. Beliau didakwa diserang oleh sembilan tahanan polis dalam sel yang sama.

Sunder Raja telah ditahan polis selepas isterinya M. Latha membuat laporan mendakwa yang beliau (isterinya) telah dikasari semasa satu pergaduhan dan Sunder Raja mengancam untuk membakarnya.

Berikutan kematian Sunder Raja, keluarganya membuat laporan polis mendakwa berlakunya perbuatan khianat dan kes mereka telah dibawa ke tengah oleh sayap Pemuda MIC.

Semalam Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai melawat ibu pejabat polis itu dan mengarahkan satu siasatan diadakan terhadap kes berkenaan.

"Kematian Sunder Raja masih satu misteri...polis patut tahu apa yang sedang berlaku di dalam sel itu. Kita mahu tahu siapa yang bertanggungjawab terhadap kematian itu," kata Samy Vellu.

-- BERNAMA

SR AHH RON